

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

December 5, 2019

KEPENTINGAN MASJID

KEPENTINGAN MASJID

(Fikrah Bangi: 414),

BBB: 08 R. Akhir 1441H. = 05 Disember 2019M. (Khamis).

Masjid adalah institusi yang amat penting di dalam Islam. Ianya lambang masyarakat jama'ah. Melaluinya Islam memupuk akidah, syariah dan akhlak ummah. Masjid di samping pusat ibadat, juga pusat kemasyarakatan. Masjid adalah institusi tertua di dalam Islam. Al-Qur'an menyebut tentang Masjidil Haram dan Masjid al-Aqsa yang dikunjungi Rasulullah s.a.w dalam peristiwa Isra' Mi'raj. Walau bagaimana semasa Rasulullah s.a.w. berdakwah di Makkah, Baginda tidak dapat menggunakan Masjid al-Haram bagi menyebarkan dakwah, kjerana ianya dikuasai kuffar musyrikin Quraisy.. Walau bagaimana sebaik Baginda berhijrah ke Madinah, maka tugas utama yang ditumpukan oleh Baginda ialah membina masjid. Iaitu Masjid Quba' dan Masjid Nabawi. Masjid Nabawi adalah ketiga tarafnya selepas Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa.

Penngenanalan pasti tentang tapak bagi masjid al-Umm, ialah sebaik Bangi dipilih sebagai tapak bagi Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1972. Bersama tapak UKM disediakan oleh PKNS ialah tapak bagi Bandar Baru Bangi, maka pada Seksyen Satu bagi BBB disediakan tapak untuk masjid/surau. Walau bagaimana meskipun ada tapak, untuk mendirikan masjid atau surau bukan prioriti, lantaran pada peringkat awal dihuni (November 1977) hanya puluhan orang saja yang berpindah dan menghuni di bandar itu. Bukan saja tiada priority bagi mendirikan masjid, bahkan kampus UKM yang mula digunakan pada sekitar Oktober 1977 itu juga tidak memberi penekanan bagi mendirikan masjid. Prioriti pembangunan yang siap pada peringkat permulaan ialah Fakulti Islam UKM yang berada pada bahagian hadapan kampus berdekatan dengan Bangunan Pentadbiran,. Di belakang dari bangunan pentadbiran ialah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan., di samping Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kemasyarakatan. Bangunan Sains dan ekonomi adalah fasa yang lebih kemudian. Beberapa asrama diutamakan berdekatan dengan fakulti-fakulti yang diutamakan pembinaannya.


Keperluan kepada masjid disadari dari awal, walau bagaimana oleh kerana bangunan masjid tidak didirikan, maka beberapa tempat digunakan bagi bersolat Juma'at, bermula pada ruang Foyer Bangunan Pentadbiran, tetapi selepas beberapa kali Juma'at diadakan disitu didapati tidak sesuai, maka ruang solat Jumaat dipindah ke ruang legar FSKK, ruang ini lama digunakan sehinggalah bangunan Perpustakaan siap, maka pada bahagian bawah digunakan sebagai tempat mendirikan Juma'at. Bagi mereka yang mencari keselesaan untuk bersolat Juma'at pada hari Juma'at, maka Masjid Kajang yang agak jauh dari Kampus UKM menjadi pilihan. Beberapa surau kampung yang mendirikan Juma'at juga menjadi pilihan seperti surau di Teras Jernang dan West Country, walaupun tidak begitu selesa.

Selama lebih dari 20 tahun BBB dihuni (1977-1999), tiada kesungguhan bagi mendirikan Masjid di BBB, BBB sebenarnya lebih bergantung kepada UKM dan menunggu dibina masjid dikampus itu. Bila masjid didirikan di kampus itu maka penduduk akan sama menggunakan masjid. Usaha mendirikan Masjid UKM. Setelah menumpang kawasan Perpustakaan Serii Lanang, maka tapak Masjid di UKM dipilih di tepi jalan berdepan dengan Dewan Konvensyen Tun Abdul Razak. Kerja bagi membina masjid ini memakan masa yang agak lama iaitu mulai pembinaan tapak pada 16 Mac 1976 dan siap pada 16 April 1982, iaitu memakan masa enam tahun. Walau bagaimana setelah bangunan Masjid UKM dapat disiapkan, maka tidak timbul kepada keperluan masjid didirikan di Bangi, oleh kerana Masjid UKM yang dua lapis lebih dari cukup bagi menampung mahasiswa Islam dan penduduk BBB yang pada masa itu ada dua seksyen sahaja, iaitu Seksyen Satu dan Dua yang penduduknya dalam lingkungan seribu penghuni, Sebahagian besar dari mereka adalah pekerja-pekerja dan tenaga-tenaga pengajar di UKM dan sebahagian adalah tenaga pengajar dan pekerja UPM yang diberi peluang memiliki rumah di Bangi. Pada masa itu kemudahan jalan dari BBB ke kampus UKM telah sempurna dengan pembinaan jambatan yang menghubungkan BBB dengan kampus, UKM. Sebelum dari itu, pada peringkat permulaan untuk ke UKM terpaksa melalui Teras Jernang dengan melalui jambatan kayu yang agak uzur. Sekian.

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 2 5 2 0
4

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~